

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16/09/2017

Dr. M jangan hipokrit

um - 16/9/2017 pg. 2

PUTRAJAYA 15 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak meminta Tun Dr. Mahathir Mohamad jangan bersikap hipokrit kerana bekas Perdana Menteri itu sendiri membelanjakan jutaan ringgit kepada pelobi semata-mata untuk bertemu Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush.

Menurut Perdana Menteri, apa yang mengecewakan adalah Dr. Mahathir membayar pelobi yang bermastautin di Hong Kong itu menerusi kontrak arang batu Tenaga Nasional Berhad (TNB) bernilai jutaan ringgit.

"Berjuta dibayar semuanya kerana hendak berjumpa dengan Bush tetapi tidak dapat macam sambutan yang saya dapat.

"Jangan jadi hipokrit, kutuk pula lawatan saya, lawatan saya bukan untuk saya tetapi untuk Malaysia, hubungan baik dengan China, hubungan baik dengan Raja Salman (Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud) dan hubungan baik dengan AS adalah untuk Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis meraikan kepulangannya dari Britain dan AS di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini. Timbalan Perdana Men-

teri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, para pemimpin masyarakat serta ratusan orang mewakili parti komponen Barisan Nasional (BN) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyambut ketibaan Perdana Menteri pada pukul 8.30 malam itu.

Dalam pada itu, menurut Najib, Dr. Mahathir juga merupakan individu yang menyebabkan penswastaan Malaysia Airlines Bhd. (MAB) sehingga mengakibatkan kerugian besar dan kerajaan terpaksa membayar tiga kali ganda nilai pasaran untuk menyelamatkan MAB.

Tegas Najib, cadangan MAB untuk menambah pembelian pesawat Boeing adalah daripada keputusan syarikat itu sendiri yang telah dibuat Julai tahun lalu dan keputusan itu ternyata memberi manfaat kepada MAB dan negara.

Berhubung kritikan terhadap cadangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) meningkatkan pelaburan di AS, Najib mengingatkan bahawa Dr. Mahathir sendiri telah berkata pada tahun 2005 yang KWSP perlu melabur lebih di luar negara.

Mengenai lawatan kerja beliau ke AS, Najib berkata, Presiden Donald J. Trump memberi sambutan luar dugaan dan menghormati kedudukan Malaysia.